

**BAYARAN PEMBEKALAN PERABOT DAN  
KELENGKAPAN RUMAH KELUARGA  
ANGKATAN TENTERA PARCEL 2C  
TAMAN LTAT**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Kementerian Pertahanan

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Untuk menentukan sama ada bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi kontrak serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhannya, LTAT telah berjaya melaksanakan penjualan Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil kepada Kementerian Pertahanan dengan nilai jualan RM560 juta untuk dijadikan sebagai RKAT Parcel 2C yang dilengkapi dengan perabot dan kelengkapan telah berjaya disiapkan dan mula diduduki oleh anggota angkatan tentera pada 18 November 2021. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- kerja tambahan berjumlah RM280,000 diluluskan selepas tamat tempoh kontrak; dan
- kerja tambahan dilaksanakan sebelum kelulusan diberikan.

**Apa yang  
disyorkan**

**Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk memastikan peraturan kewangan dipatuhi sewajarnya dan pembekalan dilaksanakan sebelum tamat tempoh kontrak; dan
  - pemantauan oleh Pegawai Penguin terhadap syarat kontrak hendaklah dibuat dengan rapi bagi memastikan pentadbiran kontrak yang teratur.